

# Menyantuni penduduk terjejas di kawasan terpencil

## Pertubuhan Kasih Neelofa sumbang makanan menerusi HEPA UMS

UB 21.12.2020 P.4

**KOTA KINABALU:** Pandemik COVID-19 yang melanda negeri Sabah mendapat perhatian Pertubuhan Kasih Neelofa (PKN).

Sehubungan itu, PKN melancarkan Tabung COVID-19 Negeri Sabah dan berjaya mengutip sejumlah RM60,000 daripada sumbangan orang ramai.

Bagi memudahkan penyaluran bantuan kepada penduduk terkesan di Sabah, PKN mendapatkan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UMS.

Sumbangan wang berkenaan digunakan untuk membeli keperluan makanan dapur dan digabh-apihkan oleh HEPA melalui rangkaian pelajar dan alumninya yang berada di seluruh negeri Sabah. Ini termasuklah Pertubuhan Kebajikan Anak Lipisan Malaysia, Persatuan Siswazah Sabah dan Pertubuhan Kebajikan Sandakan Prihatin.

Selain itu, Kelab Pacuan Empat Roda UMS (UMS4WT) turut menjayakan program pengagihannya bantuan makanan ke kawasan-kawasan terpencil yang tidak dapat dihubungi oleh kemudahan laluan, seperti di Kampung Sosongin Magandai, Kota Marudu dan beberapa tempat lain di utara negeri Sabah.

Perjalanan jauh dan mencabar dilalui dengan penuh semangat oleh ahli-ahli kelab bagi memastikan bantuan makanan sumbangan Pertubuhan Kasih Neelofa ini turut sama dirasai oleh masyarakat yang terencil di luar bandar Sabah.

Salah satu daripada destinasi penyaluran bantuan makanan ini dilaksanakan di Kampung Luntuang, Tuaran.

Kampung Luntuang adalah sebuah perkampungan etnik Bajau Senuh yang suatu ketika dahulu hanya boleh dihubungi menerusi jalan sungai Mengkabong. Kini kampung itu boleh dihubungi melalui jalan batu yang separuh bertutup.

Sehanyak 68 bungkus bakul berisi makanan dighagihkan kepada kumpulan penduduk yang tergolong dalam kumpulan terjejas terak di kampung ini.

Pembantu Menteri Kawangan Jasinah Haji Daya yang juga ADUN Pantai Dalit berkesempatan meluangkan



**KETIKA TERSA:** Ketibaan rombongan bantuan makanan COVID-19 disambut Ketua Kampung Luntuang.



**KENANGAN:** Gambar kenangan bersama penerima terpilih.

masa menyertai program yang diketendalikan oleh beberapa mahasiswa mahasiswi UMS dengan bantuan pegawai HEPA UMS.

Majlis ringkas diadakan diujung jambatan kampung ini dengan dihadiri oleh wakil-wakil keluarga yang terlibat.

Penyerahan bantuan sumbangan dilakukan sendiri oleh mahasiswa dan mahasiswa sambil disaksikan oleh Jaemih.

Dalam majlis ringkas yang diadakan, Jasinah mengulaskan maha murni manumana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam meringkaskan beban kehidupan masyarakat yang terjejas terak oleh pandemik COVID-19.

Memerutnya, Kerajaan Negeri Sabah pastinya menghargai usaha-usaha sebegini sebagai satu obligasi sosial yang boleh membantu membangun semula kehidupan masyarakat.

Sekaligus, hal ini boleh memotivalkan kembali semangat masyarakat untuk menjalani kehidupan harmoni dan progresif sepertimana sebelumnya.

\* Walaupun kuantiti

makanan yang disalurkan tidak dapat membantu semua ahli masyarakat di kampung ini, akan tetapi usaha prihatin yang ditunjukkan oleh Pertubuhan Kasih Neelofa dengan kerjasama HEPA UMS ini boleh menarik minat lebih ramai pihak untuk turut sama menyumbang. Dengan yang demikian, lebih ramai penduduk yang akan mendapat manfaat," katanya.

Majlis turut dihadiri oleh Pengarah Pusat Kelestarian Liberasi Masyarakat UMS Dr Jakaria Dasan. Dalam ucapannya, Dr Jakaria menyampaikan ucapan terima kasih kepada Pertubuhan Kasih Neelofa atas kepercayaan yang diberikan kepada pihak UMS dalam menyantuni pelajar UMS dan juga para penduduk terkesan pandemik COVID-19.

Hubungan baik ini wajar untuk diteruskan di masa akan datang seperti program khidmat masyarakat dan kebajikan. Ini sekaligus akan membantu usaha universiti mendekati masyarakat bukan sahaja dalam pemindahan ilmu daripada universiti ke-

pada masyarakat bahkan juga memberi khidmat bakti dan aktiviti kebajikan pada masa yang memerlukan.

Dr Jakaria turut mengucapkan terima kasih kepada Pembantu Menteri merangkap ADUN Pantai Dalit Jasinah Hj Daya, di atas kesudian menyemarakkan lagi program bantuan makanan yang diadakan.

Tambahnya, kakitangan dan pelajar UMS di beberapa bahagian dan daerah di Sabah turut mendapat sokongan dari pemimpin-pemimpin masyarakat di kawasan-kawasan berkenaan.

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Kamisah Husin ketika dihubungi menyatakan bahawa pihaknya mendapat kerjasama yang sangat baik dari rangkaian mahasiswa dan alumni UMS yang berada di seluruh kawasan di Sabah.

Hadir sama dalam program di Kg Luntuang ini ialah Pegawai HEPA UMS Jarnal Atong, Ketua UPPM Pantai Dalit Irwandy Muzah dan Pegawai Kelas ADUN Pantai Dalit Subhanie Shuhor.